## PENOLONG PEMELIHARAAN HUTAN GRED G29

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERTANIAN**
**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA (SKIM PERKIHDMATAN BERSEPADU)**
**GRED JAWATAN/GAJI : G29**
**JADUAL GAJI :**

| GAJI MINIMUM | GAJI MAKSIMUM | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN |
|---|---|---|
| RM1,494.00 | RM5,674.00 | RM 145.00 |

**SYARAT LANTIKAN :**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   a. Warganegara Malaysia;
   b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
   c.
      i. Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
      (Gaji permulaan ialah pada Gred G29: RM1,494.00); atau
      ii. Diploma dalam bidang perhutanan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
      (Gaji permulaan ialah pada Gred G29: RM1,847.86).

- **Syarat Bahasa Melayu**
  Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- **Syarat Peningkatan Secara Lantikan**
  Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pengawas Hutan di Gred G19/20, G22, G26 atau G28 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  a.
     i. Mempunyai kelayakan di perenggan (c); atau
     ii. Lulus Peperiksaan Khas; dan
  b. Had umur pelantikan:

     i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
     ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
     iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**DESKRIPSI TUGAS :**
Bertanggungjawab membantu merancang, mengurus dan mengawal aktiviti-aktiviti perhutanan supaya sejajar dengan peraturan-peraturan dan dasar-dasar Kerajaan.